



KSN gesa penjawat awam elakkan amalan 'Christmas shopping'



Bernama

Diterbitkan: May 6, 2025 12:00 PM · Dikemaskini: 3:49 PM

Amalan pembelian tergesa-gesa pada hujung tahun atau "Christmas Shopping" dalam perkhidmatan awam yang menyebabkan pembaziran sumber perlu dielakkan sama sekali, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN) Shamsul Azri Abu Bakar.

Shamsul Azri berkata pengurusan perbelanjaan yang tidak berhemat bukan sahaja menjejaskan kecekapan penggunaan sumber, malah boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap integriti dan tadbir urus kerajaan.

Katanya, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah membangkitkan isu-isu pengurusan kewangan kerajaan, namun isu penyelewengan dan pembaziran sumber awam masih berlaku.

"Jika dibiarkan isu ini menjadi semakin kompleks dan tiada penyelesaian yang tuntas, ia akan menjejaskan kredibiliti dan persepsi masyarakat terhadap penjawat awam secara umumnya," katanya.

Dia berkata demikian dalam majlis perasmian Seminar Perakaunan Pengurusan 2025 bertema "Perakaunan Pengurusan: Daripada Data kepada Pembuatan Keputusan" anjuran Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), di Putrajaya hari ini. Teks ucapannya dibacakan Ketua Audit Negara Wan

[Baca lebih](#)
